



Perpustakaan Layak Pensijilan ISO 9002



Staf Perpustakaan Bergambar Sempena Menerima Sijil ISO 9000

PERPUSTAKAAN Induk Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang telah layak mendapat pensijilan ISO 9002 apabila pihak penilai SIRIM mengesahkan pensijilan tersebut pada 23 November 2001.

Dengan penerimaan ini, Perpustakaan juga menjadi jabatan USM pertama yang layak menerima pengiktirafan seumpama itu.

Sijil tersebut telah disampaikan oleh wakil dari SIRIM Berhad kepada Naib Canselor pada 4 Disember 2001 sempena Majlis Peras-mian Bulan Kualiti USM.

Dengan pengiktirafan ini juga, perkhidmatan atau apajua aktiviti rasmi Perpustakaan kini adalah bertaraf ISO.

Justeru semua pihak diseru agar dapat menjaga dan berhati-hati dalam apa-jua tindakan kerana tentunya seluruh masyarakat akan memerhatikan kita.

Seperti kata orang, bagaimana susahnya untuk mendapatkan se-suatu tetapi lebih susah untuk menjaganya.

Semoga gasing (yang menjadi lambang ISO) akan terus berpusing tanpa henti bersama masa yang terus beredar ini. Syabas kepada mereka yang telah terlibat dengan ISO 9002 secara langsung atau secara tidak langsung.

MENARIK DI DALAM

Jalan ke Boston 16

Noor Ida Yang Rashdi 14

Knowledge Management 15

Program Pendidikan Pengguna 18

Penerbit USM Bertaraf Pusat 21

Kajian Tabiat Pengguna Internet 20

Hal Ehwal Staf 22

EDITORIAL 2

BERITA

Berita Perpustakaan Kesihatan 23

ARTIKEL

Perpustakaan Digital 3

PROFIL

NC Rasmi Pameran Hadiah Nobel 5

Perpustakaan Terima Hadiah Kualiti 24

ISO 9000 di Perpustakaan 6

Rashidah Begum 12

Kedai Buku Buka Cawangan Baru 5

Datin Masrah TKP Baru 9

Penasihat

Noor Ida Yang Rashdi

Sidang Pengarang

Ramli Abdul Samad (Ketua)
Akla W Ismail (Penyelaras)
Ruslan Che Pee
Kiru (Grafik)

Fotografi

Ehsan PTPM
Ehsan Penerbit USM

Pertanyaan dan Edaran

Sidang Pengarang JENDELA
Perpustakaan USM
11800 Minden
Pulau Pinang
Telefon. : 04-6577888
sambungan 3721, 3821
Faks : 04-6571526
Email :
jendela@pustaka.usm.my
URL: http://pustaka.usm.my/
~jendela

Sumbangan

Sidang Pengarang mengalu-
alukan sebarang sumbangan
daripada pembaca dalam
bentuk rencana, laporan dan
sebarang maklumat berkaitan
dengan dunia perpustakaan.
Segala sumbangan boleh
dihantar kepada Sidang
Pengarang.

Nota

Sebarang rencana, berita atau
seumpamanya yang tersiar di
dalam buletin ini tidak
mencerminkan pandangan
Sidang Pengarang dan pihak
Perpustakaan USM. Segala
yang tersiar adalah hak
penulis.

AGAKNYA dengan pelancaran versi baru JENDELA ini para pustakawan USM akan merasa begitu bangga kerana untuk sekian lamanya pihak Perpustakaan USM belum lagi berupaya menghasilkan satu buletin yang separa akademik. Setahu kita ada beberapa perpustakaan akademik lain di tanah air yang telah mengeluarkan buletin seperti 'Kekal Abadi' terbitan Perpustakaan Universiti Malaya.

Kita sedar bahawa tugas pustakawan itu amat berat. Mereka harus mengorganisasikan dan membekalkan maklumat yang diterima dalam banyak bentuk format saban hari sehingga tiada masa untuk memberi tumpuan kepada penghasilan buletin seperti yang kita idamkan. Tanyalah kepada editor buletin berkenaan yang untuk menghasilkan buletin apatah lagi untuk selama-lamanya selagi wujudnya perpustakaan itu bukanlah satu perkara yang enteng.

Kenapa wajarnya ada buletin ini? Buletin ini menjadi wadah atau saluran di mana perkembangan perpustakaan dapat dirakamkan. Rakaman itu apabila dikumpul akan menjadi khazanah kolektif dan pada sesiapa yang akan merujuknya suatu hari nanti akan memanfaatkan dirinya selain dari memberi ingatan semula akan peristiwa yang telah berlalu. Saat-saat nostalgia akan mengusiknya ketika itu.

Kepentingan buletin tidak akan dirasai sebaik sahaja isu sulung diterbitkan. Bagi mereka yang telah menyumbang artikel-artikel seperti esei dan rencana walaupun bersifat semi akademik akan menikmati satu kepuasan kerana daya inteleginya telah terbit dalam bentuk cetakan. Ia akan memberi satu bentuk kepuasan meskipun sumbangan itu kecil. Malahan sumbangan lain tidak kurang pentingnya oleh sebab tiadanya sumbangan mereka maka tidak sempurna juga sesuatu isu itu.

Pada satu sudut lain pula dengan kemunculan buletin JENDELA mengesahkan bahawa ada kegiatan intelek walaupun tidak berskala besar tetapi tetap boleh dibanggakan. Para pustakawan tidak lagi dilihat semata mata sebagai panglima pengatur maklumat di perpustakaan tetapi terlibat dalam kegiatan yang memerlukan tenaga minda. Jika mutu penerbitan JENDELA tinggi maka penghormatan yang tinggi juga akan diraih kemudian nanti. Imej pustakawan USM akan harum.

Lantas itu dukungan kerjasama dari para pustakawan amat kritikal untuk menjamin daya terusan dalam pengeluaran buletin ini.

Pada kesempatan ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perpustakaan USM kerana telah memberi kepercayaan untuk saya mengetuai Sidang Pengarang JENDELA pada kali ini.

Editor

PERSEPSI

Perpustakaan Digital @ Maya @ Elektronik

Konsep perpustakaan digital/maya/elektronik mungkin mempunyai banyak persamaan daripada perbezaan, bagaimanapun tanggapan Akla W Ismail dalam rencana ini menekankan aspek kemanusiaan yang tetap menghidupkan kedinamisan sebuah perpustakaan digital - **editor**

Pada tahun 1998 seorang teman telah menghantar email kepada saya antara kandungannya berbunyi "Sila tunjukkan kepada saya sebuah perpustakaan elektronik nescaya saya sukar mempercayainya"

Teman tersebut membuat kenyataan sedemikian didorong oleh betapa perpustakaan elektronik yang banyak dibincangkan dimana-jua masih belum menyentuh realitinya. Walaupun beliau seorang pustakawan dari sebuah negara maju, yang jelas beliau terus tercari-cari model sebuah perpustakaan elektronik.

Konsep

Setelah direnung kenyataan itu, memang ada kebenaran sekurangnya pada waktu itu. Apabila gelombang teknologi maklumat mula melanda dunia perpustakaan, maka konsep Perpustakaan Digital (PD) atau Perpustakaan Maya (PM) atau Perpustakaan Elektronik (PE) muncul. Konsep ini amat popular dan dibincangkan di peringkat global, dan pada masa yang sama banyak pula pihak yang mendakwa telah berjaya mewujudkan sebuah perpustakaan elektronik meskipun konsepnya sendiri masih kabur dan dipersoalkan.

Situasi ini amat bercanggah dengan senario semasa apabila mereka yang terlibat dalam memperkenalkan konsep ini sendiri seperti pustakawan dan ahli teknologi maklumat terus tercari-cari dan ber-terusan membahaskan konsep ini hatta mereka sendiri memberikan pelbagai definisi yang

berbeza terhadap PE.

Istilah yang digunakan seperti Perpustakaan Digital, Perpustakaan Maya atau Perpustakaan Elektronik itupun sudah cukup mengelirukan. Kita pun tidak tahu yang manakah satu istilah yang tepat dan sesuai untuk digunakan. Atau apakah ketiga-tiga istilah itu memberi makna yang sama atau dimanakah bezanya ?

Baru-baru ini sebuah perpustakaan akademik di negara kita telah diisytiharkan secara rasminya sebagai sebuah PE yang pertama. Kita sebenarnya tidak perlu menyoal siapakah atau badan manakah yang membuat pengisytiharan tadi, tetapi yang penting disini apakah kriteria yang dimiliki oleh perpustakaan tersebut? Dan badan mana pula yang menetapkan kriteria tersebut? Dan apakah untuk mendapatkan status PE itu sama seperti untuk mendapatkan ISO?

Kalau kita lihat dari perspektif sebagai pustakawan, kewujudan PE bukanlah hambatan perpustakaan. Yang menjadi matlamat perpustakaan ialah sebagai penyalur maklumat yang berkesan, tepat dan cepat kepada setiap permintaan pengguna. Namun pakar IT melihat perkara ini sebaliknya. Penerapan teknologi maklumat amat perlu disegerakan dalam dunia perpustakaan, kerana tanpa teknologi sesebuah perpustakaan bukan sahaja dianggap sebagai ketinggalan zaman, malah tidak akan mampu menjadi penyalur maklumat ber-kesan apalagi untuk bersaing hingga ke peringkat global.

Definisi

Sudah banyak konferensi, seminar atau persidangan yang membincangkan PE dari perspektif pustakawan maupun pakar teknologi maklumat. Mereka nampaknya telah memberikan pelbagai definisi terhadapnya. Namun semakin banyak pembincangan semakin banyak persoalan yang timbul berkaitan dengan PE. Beberapa definisi dan pandangan tentang PE akan dipaparkan dalam rencana ini agar ianya dapat memberikan sedikit kejernihan kepada persoalan ini.

"The digital library is not a single entity", "The digital library requires technology to link the resources of many, many libraries and information services" ada juga yang menyebut "Transparent to end users are the linkages between the many digital libraries and information services" dan "Universal access to digital libraries and information services is a goal" begitulah agak antara definisi dan bermacam lagi yang kita boleh temui.

Manakala laporan yang diberikan oleh ahli teknologi maklumat bernama Saffady, beliau menyebut PE sebagai "repositories of ... information assets", "large information repositories", "various online databases and ... information product", "computerized, networked library systems", "databases... accessible through the Internet", "libraries with online catalogs", dan "collections of computer-processible information".

Secara amnya, Saffady memberi definisi PE dalam ruang lingkup yang

agak luas iaitu, termasuk koleksi, pusat penyimpanan dan sumber maklumat kalau dibandingkan dengan definisi yang pertama tadi.

Satu lagi definisi yang baik dan tentunya ramai pustakawan yang telah maklum dengannya berbunyi "traditional library deals with physical data" manakala tugas PE dikaitkan sebagai "primarily with digital data".

Definisi dan skop yang berbeza ini telah memberikan implikasi yang tidak baik dan menimbulkan suasana yang kelimat kabut, konfusi dan agak mengecewakan dan berserabut. Secara sedar atau tidak kita tidak pula dapat mengagak apakah keadaan ini sengaja ditimbulkan atau di luar kawalan atau kesedaran mereka.

Kalau diteliti daripada apa yang diberikan, definisi-definisi itu banyak ditekankan kepada aspek sumber (resource) maklumat atau teknologi. Agak malang dan menyedihkan aspek penting lain seperti perkhidmatan atau peranan pustakawan diabaikan. Ini seolah-olah mesin itu (komputer) adalah segala-galanya sehingga dianggap mampu untuk menangani segala hal ehwal yang berlaku dalam menyediakan maklumat kepada pengguna. Keadaan ini secara tidak langsung melahirkan kebimbangan kemungkinan akan terhakisnya peranan pustakawan dalam menongkah arus digital.

Peranan Pustakawan

Pengikisan peranan pustakawan ini ada kebenarannya kerana secara sedar atau tidak semakin menjadi ketara apabila unsur teknologi maklumat semakin luas diterapkan dalam bidang tugas harian di kebanyakan perkhidmatan di perpustakaan. Keadaan ini timbul dengan harapan teknologi itu suatu hari nanti akan mengambil-alih tugas perkhidmatan penyebaran maklumat.

Pernyataan di atas disangkal keras oleh penulis bernama Dysart. Kenyataan beliau menyebut "PD harus menyokong dan mengambil-

kira peranan manusia (sebagai pengguna dan pemberi khidmat) jika perpustakaan itu ingin benar-benar berfaedah". Justeru teknologi dan sumber maklumat tidak mungkin dapat memberi sumbangan berguna tanpa sentuhan manusia atau kemanusiaan.

Banyak kajian yang telah dibuat berkaitan pentingnya interaksi manusia dalam persekitaran PE. Beberapa kajian yang telah dibuat oleh sarjana adalah berdasarkan kepada aspek seperti interaksi sosial pengguna perpustakaan dengan pustakawan, begitu juga interaksi di antara pengguna.

Rumusan daripada kajian tersebut mendapati bahawa kerjasama pengguna, dan antara pengguna dengan pengendali sistem adalah jelas sebagai elemen penting kepada pencarian dalam sistem maklumat terkini. Mereka juga beranggapan bahawa dengan kemunculan PE telah mengganggu kerjasama yang sudah wujud tetapi pada masa yang sama menawarkan peluang kepada pengwujudan kerjasama yang baru.

Ackerman pada Konferensi Digital Library 1994 melahirkan rasa bimbang sekiranya aspek kemanusiaan diabaikan setelah penerapan teknologi komputer di perpustakaan. Beliau beranggapan perpustakaan masih memerlukan "help in selecting information", "seeking informal information", "information seekers often have highly specific needs and interests" dan fungsi sosial dalam perpustakaan masih tidak mampu ditangani oleh mesin (komputer). Kesemua elemen yang diketengahkan ini merupakan aspek atau nilai kemanusiaan yang tidak lain tidak bukan dapat dilahirkan melalui pustakawan.

Daripada perbincangan ini, secara amnya dapatlah kita rumuskan wujudnya aspek yang tersirat di sebalik ke-rancangan perbincangan tentang PE.

Yang jelas, konsep "librarian as a service provider" masih amat diperlukan dalam dunia maklumat hari ini. Secara langsung peranan

pustakawan yang bermaklumat itu sendiri masih amat diperlukan dan memainkan peranan penting di perpustakaan-perpustakaan. Sayugia termaklum bahawa hanya petugas maklumat sahaja yang dapat memahami apakah yang pengguna atau organisasi kehendaki dan boleh lakukan terhadap sumber maklumat.

Kesimpulan

Pustakawan itu juga boleh dianggap sebagai "interface designer" kepada pengwujudan sesebuah PE. Ini berdasarkan kepada pengalaman pustakawan dalam pelbagai aspek keperpustakaan. Sebagai contoh, kehendak pengguna perpustakaan dan memproses maklumat yang dikehendaki antara tugas yang tidak mungkin dilakukan oleh komputer pada masa kini yang masih memerlukan sentuhan manusia. Apa yang diperlukan ialah para pustakawan turut menerima bahawa perubahan adalah perlu dalam perspektif yang selari dengan perubahan teknologi dan kehendak semasa.

Rujukan:

1. Jennifer, Rowley. The Electronic library 4th ed., London: Library Association Publishing, 1998.
2. Sloan, Bernie. Collaboration in the Information Society, University of Illinois at Urbana-Champaign, Dec. 1997.



Penulis rencana ini—Akla W. Ismail, Penyelaras terbitan JENDELA kali ini - Beliau Pustakawan di USM sejak 16 tahun lalu, kini bertugas di Bahagian Automasi, Perpustakaan USM.

BERITA

NC Rasmi Pameran Penerima Hadiah Nobel


PADA 31 Disember 2001 lalu, Naib Canselor telah merasmikan Pameran Penerima Hadiah Nobel anjuran Perpustakaan USM. Pameran tersebut berlangsung di lobi Pustaka Utama I untuk lebih sebulan iaitu bermula pada 12 Disember 2001 dan berakhir pada 31 Januari 2002.

Dalam ucapannya, NC menekankan betapa pentingnya budaya ilmu untuk terus diperkembangkan di universiti ini seperti mengadakan majlis seperti ini. Pameran seperti ini juga penting bagi meningkatkan pengetahuan maklumat pengunjung di samping berharap ia akan menjadi batu loncatan kepada penghasilan pemenang hadiah nobel kepada rakyat Malaysia.

"Kita berharap pada masa depan adanya calon untuk pemenang hadiah nobel dari kalangan ahli akademik kita" katanya.

Majlis pelancaran ini juga dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Pembangunan, dekan-dekan dan ketua jabatan dari pusat pengajian dan jabatan di USM.

Pameran Hadiah Nobel ini



NC berbincang dengan bekas KP selepas majlis pelancaran

diadakan sempena dengan 100 tahun selepas hadiah ini diperkenalkan sejak 1901. Hadiah berupa pingat, diploma dan wang diberikan sebagai penghormatan kepada mereka yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang fizik, kimia, perubatan, kesusasteraan dan keamanan.

Manakala pada 1968, anugerah untuk sains ekonomi diperkenalkan oleh Bank Sweden bagi memperingati Alfred Nobel, pengasas Hadiah Nobel.

Perpustakaan disamping mengadakan pameran statik buku dan maklumat bergambar penerima Hadiah Nobel, kemudahan untuk melayari Internet untuk mendapat maklumat buku dan laman web, iaitu e-bibliografi juga diadakan. Manakala pengunjung juga dijemput untuk turut serta dalam Kuiz Mingguan di mana sebanyak 3 hadiah boleh dimenangi setiap minggu.

Kedai Buku Koperasi Buka Cawangan di Perpustakaan Kejuruteraan

KEDAI Buku Koperasi USM melangkah setapak lagi dalam mengembangkan operasinya apabila membuka cawangannya yang ketiga baru-baru ini.

Cawangan tersebut yang beroperasi di bangunan Perpustakaan Kejuruteraan di Kampus Cawangan Nibung Tebal telah disempurnakan perasmianya oleh bekas Ketua Pustakawan yang juga Setiausaha dan Ahli Lembaga Pengarah Kedai Buku Koperasi USM, Rashidah Begum.

Usaha untuk kerja pembinaan dan dekorasi kedai ini dianggarkan telah menelan belanja sekitar RM80,000.00. Sementara ini seramai 5 kakitangan telah ditempatkan di situ.

Menurut Pengurus Kedai Buku, Muhamad Amran Abdul Aziz, usaha membuka cawangan ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada masyarakat di kampus cawangan mendapatkan bahan bacaan dengan harga yang patut.

"Ia juga akan memberi imej yang baik kepada Universiti, kerana antara tempat yang mendapat sambutan dari tetamu Universiti ialah Kedai Buku" tambah Amran.

Katanya, 80% daripada buku adalah dalam bidang kejuruteraan dan selebihnya adalah bahan bacaan am.

Koperasi ini juga telah membuka cawangannya yang ke-2 di Kolej Islam Sultan Zainal Abidin di Kuala Trengganu.

ISO 9002 di Perpustakaan USM

Oleh Mohd. Nasir Hj. Md Rashid

Nukilan di bawah membicarakan proses yang dilalui oleh Pengurus Kualiti menangani projek ISO yang diburu oleh Perpustakaan USM mulai tahun 1997 hingga 16 Oktober 2001. Bermula dari titik yang cukup kabur mengenai apa itu ISO beliau akhirnya dapat memecah ruyung bagi memperolehi sagu. Selain merasakan diri beliau sebagai pemain utama dalam pencapaian Sijil ISO 9002 beliau juga telah menikmati rasa apa itu kepuasan dan kejayaan dalam kerjaya beliau. - **Editor.**

Sejarah ISO di Perpustakaan bermula pada tahun 1997. Biro Kualiti telah memberikan taklimat berkaitan dengan ISO kepada semua jabatan dan USM telah meletakkan matlamat yang semua jabatan perlu melaksanakan ISO. Pada 9 Mei 1998 saya telah dilantik sebagai Wakil Pengurusan yang dikenali sebagai Pengurus Kualiti. Saya terima sahaja perlantikan itu tanpa banyak soal. Saya bertekad dalam hati kecil akan membawa Perpustakaan mendapatkan persijilan ISO daripada pihak SIRIM. Bermula detik itu saya mula belajar sendiri apa itu ISO dan mengikuti berbagai-bagai latihan ISO yang dilaksanakan di USM. Pada peringkat permulaan saya masih buntu tentang elemen-elemen ISO walaupun saya telah menghadiri beberapa latihan dan telah membaca banyak literatur mengenainya. Maklum sahajalah ISO itu merupakan perkara baru.

Deraf ISO

Pasukan Petugas Utama (PPU) yang telah diwujudkan di Perpustakaan mula melaksanakan tugas mereka dengan membincangkan prosedur-prosedur yang perlu dibangunkan mengikut aktiviti-aktiviti utama di Perpustakaan. Draf pertama prosedur sampai kepada saya pada hujung tahun 1998. Saya dapati dokumen yang dibangunkan itu masih lemah dan perlu banyak pembetulan. Pada bulan Ogos 1998 Perpustakaan telah menjemput Cik Zaleha seorang pakar ISO dari

Universiti Utara Malaysia untuk memberikan taklimat mengenai ISO kepada semua PPU Perpustakaan. Dengan penjelasan beliau banyak perkara yang dahulunya kabur menjadi jelas. Bagi memantapkan pengetahuan berkenaan ISO 9000, saya telah menghadiri kursus Auditor/Lead Auditor selama lima hari di Shah Alam. Sekembalinya dari kursus itu saya telah mula mengorak langkah dengan memberikan latihan sendiri kepada staf Perpustakaan dan mula merancang strategi yang lebih mantap.

Tugas saya pada tahun 1999 dan 2000 banyak dihabiskan di hadapan PC dengan membelek semua dokumen yang dibangunkan. Draf pertama dokumen ISO Perpustakaan dikeluarkan pada awal tahun 1999 tetapi pindaan keseluruhan dibuat pada reka letak dokumen. Saya mengambil masa 3 bulan untuk memperbetulkan setiap dokumen. Draf kedua dikeluarkan pada bulan bulan Jun 1999 dan sekali lagi pindaan dibuat pada draf kedua dan tarikhnya terpaksa diubah pula pada 30 Oktober 1999. Sekali lagi dokumen tersebut terpaksa saya rombak. Setelah melalui proses pengeditan yang komprehensif, pada penghujung tahun 1999 dokumen ISO telah siap sepenuhnya dan telah diedarkan pada 3 Januari 2000. Selepas proses Pra Audit dalaman dokumen ISO Perpustakaan sekali lagi dipinda secara keseluruhan.

Audit

Pada 5 Mac 2000 saya telah mengisi borang soal selidik Persijilan Sistem Kualiti yang telah dihantar kepada pihak SIRIM-QAS untuk mendapatkan sebutharga. Perpustakaan telah memohon untuk proses audit kecukupan pada bulan Mei 2000. Proses audit kecukupan telah dilaksanakan pada 11 Ogos tahun 2000. Ketika itu hanya saya seorang sahaja diaudit bagi menilai sistem kualiti kita samada layak untuk melalui proses persijilan ataupun tidak. Perpustakaan telah dicadangkan untuk proses audit pematuan dengan perlu melaksanakan beberapa pindaan pada Manual Kualiti dan prosedur berkaitan.

Pada 14 Ogos 2000 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang pertama telah dilaksanakan dengan agenda utamanya membincangkan tindakan pembetulan yang perlu diambil. Perpustakaan telah menghantar salinan dokumen yang telah dibuat pindaan kepada pihak SIRIM pada 24 November 2000. Surat permohonan untuk audit pematuan telah dihantar pada bulan Mei 2001. Tarikh awal yang di-pohon adalah pada 30 dan 31 Julai 2001. Pihak SIRIM telah memaklumkan kepada Perpustakaan yang audit pematuan akan dilaksanakan pada 15 dan 16 Oktober 2001.

Pendokumentasi

Pada tahun 2001 saya banyak

menumpukan perhatian dalam memantapkan semua dokumen ISO Perpustakaan, memberikan latihan, perbincangan dan membuat penambah-baikkan di bahagian-bahagian. Sepanjang tempoh persediaan persijilan, Perpustakaan telah melaksanakan sebanyak tiga kali audit kualiti dalaman dan empat kali Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Sebulan sebelum tarikh audit tersebut seluruh warga Perpustakaan telah mula sibuk daripada biasa dalam membuat persiapan rapi agar tidak ada kecacatan sewaktu diaudit nanti. Ada yang terpaksa pulang malam hari ke rumah. Nasib baik suami atau isteri mereka tidak mengamuk.

Pada 16 Oktober sewaktu mesyuarat penutupan audit Puan Siti Rahmah Ahmad dari Sirim QAS Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa Perpustakaan layak untuk Persijilan ISO 9002 dengan syarat tindakan pembetulan dibuat pada 4 ketidak-akuran yang dikemukakan. Alhamdulillah selepas semua tindakan pembetulan dibuat, Perpustakaan telah diberi persijilan pada 23 November 2001. Anugerah Sijil ISO secara rasmi telah diberikan pada 4 Disember 2001, sewaktu perasmian Hari Kualiti USM.

Cabaran Pengurus ISO

Sebagai Pengurus Kualiti berbagai-bagai coretan dan pengalaman yang telah saya lalui. Ringkasnya bermula dari seorang yang tidak ada pengetahuan langsung mengenai ISO

sehingga saya berjaya menimba ilmu dan pengalaman yang luas mengenainya. Bebanan menjadi Pengurus Kualiti semakin hari semakin bertambah dan stress yang saya hadapi sepanjang 2 tahun tersebut amat berat. Hanya Allah yang lebih mengetahui. Tekanan yang saya hadapi pernah hingga saya menghantar surat perletakan jawatan sebagai Pengurus Kualiti. Perletakan jawatan ini ditolak oleh KP. Saya juga tahu yang pada peringkat awal ramai yang kurang meyakini keupayaan dan daya usaha saya.

Saya mengambil tindakan dengan bersikap tidak memperdulikan apa sahaja komen atau sindiran orang terhadap saya semasa saat genting. Pendek kata ketika itu fikiran, tenaga dan daya usaha saya dipusatkan pada ISO Perpustakaan sahaja. Saya terpaksa merancang berbagai-bagai strategi untuk diri saya dan Perpustakaan bagi memastikan matlamat persijilan tercapai. Saya sedar yang saya merupakan pemain utama dalam memastikan maruah, nama Perpustakaan dan USM sentiasa berada di peringkat teratas. Saya amat takut kiranya Perpustakaan gagal mendapatkan persijilan. Di mana saya nak meletak muka saya sebagai Quality Manager. Apa alasan yang hendak diberi nanti kalau gagal. Apa akan jadi pada Perpustakaan jika gagal. Bagaimana dengan maruah rakan sekerja yang sama-sama bertungkus lumus ?

Team Work

Kemudi bagi mencapai ISO terletak ditangan saya. Apa yang saya boleh lakukan ialah melipatgandakan usaha. Banyak kerja-kerja ISO terpaksa saya buat di rumah hingga larut malam. Saya juga cuba sedaya upaya mengurangkan bebanan stress dikalangan rakan sekerja. Sewaktu itu saya benar-benar memerlukan "team work". Alhamdulillah segalanya berjalan dengan lancar dan saya mendapat sokongan yang padu daripada semua rakan-rakan sekerja baik di peringkat bawahan mahupun peringkat atasan. Beban yang saya tanggung sepanjang 2 tahun tempoh persediaan dan persijilan seolah-olah diterbangkan angin apabila pihak SIRIM memaklumkan bahawa Perpustakaan berjaya memperolehi Persijilan ISO 9002.



Penulis rencana ini—Mohd Nasir Hj. Md. Rashid, bertugas di USM sejak 10 tahun lalu, kini melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di New Zealand.



Patah Tumbuh Hilang Berganti

PERPUSTAKAAN USM telah mendapat Ketua Pustakawan (KP) baru selepas ketua lama bersara secara pilihan. Jendela mengucapkan berbilang terima kasih kepada ketua lama kerana telah berjaya berkhidmat di Pustaka USM selama 27 tahun dan menjadi ketua selama 6 tahun. Semasa majlis perpisahan ringkas hari itu, 31 Disember 2001, ramai kakitangan mengambil kesempatan mengucapkan selamat tinggal dan bersalaman. Mereka berbaris di sebelah mesin ketip kad. Selepas KP lama mengetip kad sebagai tanda berakhirnya tugas rasmi beliau di pustaka, mereka bersalaman dengan bekas KP sambil mengangkat kertas berbunyi 'selamat bersara'. KP lama bersalaman dengan staf yang

berbaris itu sambil berminta-maaf, ada yang memberi bunga, ada yang berpelukan, ada juga yang merah matanya tanda sayu pada perpisahan yang tidak mungkin akan kembali lagi itu.

Perpisahan itu menjadi lebih bermakna kerana sebelum majlis ini, berlangsungnya majlis Perasmian Pameran Pemenang Hadiah Nobel juga anjuran Pustaka yang dirasmikan oleh NC. NC dan Timbalan NC P&P turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat bersara kepada bekas KP. Pada majlis perpisahan itu juga, para staf telah menghantar bekas KP hingga ke depan DTSP sebelum beliau menaiki kereta sebagai tanda simbolik berakhirnya tugas beliau di perpustakaan ini. Jurugambar juga

tidak henti-henti merakamkan detik akhir ini dalam ucapan maaf, deraihan ketawa dan airmata hadirin.

Staf dari Kampus Cawangan Kejuruteraan juga tidak ketinggalan dalam upacara ini untuk hadir dan memberi penghormatan terakhir buat KP yang mereka kasihi. Jendela memang berbangga dengan sikap dan daya usaha yang mereka pamerkan. Sumbangan tenaga, masa dan wang untuk berbuat demikian sudah cukup untuk membuktikan betapa mereka amat komited kepada setiap acara yang dianjurkan oleh perpustakaan. Jendela amat menyanjung semangat sebegini dan juga mengharapkan semangat seperti ini akan berterusan untuk masa yang akan datang.

Selamat Bertugas KP Baru

JENDELA juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat bertugas kepada KP baru, Puan Noor Ida Yang Rashdi bermula 2 Januari 2002. Seperti lazimnya sudah tentu para staf di perpustakaan mengharapkan dengan kehadiran KP baru turut membawa sinar baru kepada perpustakaan. Jangkaan tentunya tinggi, harapan tinggi, segalanya tinggi. Itu sebenarnya lumrah dunia, bila orang baru datang mengambil alih kepimpinan, mereka mengharapkan kepada perubahan. Kalau dinilai dan diteliti, perubahan itu bukan hanya bergantung kepada ketua, tetapi sikap ingin berubah ini juga seharusnya ada pada setiap staf. Ketua hanya mampu merobah atau menambah-baik dasar jabatan tetapi yang perlu berubah ialah staf dan sikap kita sendiri. Sudah tentu KP baru ini pada dasarnya akan meneruskan kesinambungan yang telah diasaskan oleh KP lama dan meneruskan beberapa tradisi positif bagi menggerakkan perpustakaan kita ke arah yang lebih mantap selari dengan dasar universiti yang

menuju ke arah mendewasakan diri dalam era globalisasi.

KP baru yang diharapkan oleh staf dan masyarakat seluruhnya bukanlah seorang yang mempunyai kuasa magis, maknanya setiap yang disentuh dan disuarakan akan bertukar menjadi intan berlian, emas permata, tetapi apa yang diharapkan ialah beliau bukan sahaja menerajui perpustakaan sebagai penerus tradisi, tetapi juga berusaha mempertingkatkan lagi dasar dan mutu perkhidmatan yang berkualiti, memasyarakatkan perpustakaan dan bergerak selari dengan kehendak semasa sebagai sebuah perpustakaan moden. Jendela bukanlah bersikap tidak realistik seperti mengharapkan dengan sekelip mata sahaja Perpustakaan USM akan bertukar menjadi sebuah perpustakaan maya atau pentadbiran elektronik sepenuhnya, tetapi seperti hasrat kebanyakan staf yang lain turut mengharapkan bahawa proses penambahbaik dan peningkatan terhadap apa yang telah sedia ada

akan terus menjadi teras kepimpinan beliau. Jendela kira jika tindakan-tindakan itu dilakukan secara sistematik ia sudah cukup untuk membawa kita ke dalam arus persaingan bukan sahaja di peringkat nasional malahan ke taraf global.

Ramai di antara staf kita telah melawat banyak perpustakaan di negara maju, tetapi rasanya perpustakaan kita tidaklah jauh ketinggalan sangat dari segi teknologi maupun kaedah pengurusan atau perkhidmatan, cuma kekurangan kita agak longgar dari sudut pelaksanaan. Sekiranya kelonggaran ini dapat diperkemas, nescaya perpustakaan kita juga akan sebaris dengan perpustakaan mereka. Tentunya menjadi harapan besar agar pengurusan baru akan terwujudnya dan terlaksananya idea baru, pun begitu sokongan dan kerjasama dari segenap peringkat staf di perpustakaan itu sendiri menjadi tunjang utama kepada merealisasikan cita-cita murni ini.

Masrah : TKP Baru

JENDELA juga merakamkan ucapan tahniah kepada Datin Masrah Hj. Abidin kerana telah dilantik menjadi Timbalan Ketua Pustakawan baru menggantikan Puan Noor Ida Yang Rashdi yang kini sebagai Ketua Pustakawan. Perlantikan ini berkuat-kuasa mulai 15 Januari 2002.

Menurut Pejabat Ketua Pustakawan, Datin Masrah juga akan terus mengetuai Bahagian

Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan. Beliau telah mengetuai Bahagian ini sejak tahun 1996.

Sebelum ini beliau juga pernah mengetuai Bahagian Media dan Perpustakaan Media di Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia.

Dengan pengalaman sebagai pustakawan lebih dari 20 tahun, maka sudah tentu perlantikan ini

akan memberi satu lagi kekuatan baru kepada pihak pengurusan perpustakaan dalam menempuh gelombang dan cabaran baru dalam dunia pustakawanan.



Datin Masrah

Makan Malam Perpisahan

PADA 5 Januari lalu, satu Majlis Makan Malam telah diadakan sempena persaraan KP. Jamuan yang diadakan di Dewan Bankuasi itu telah dihadiri oleh bukan sahaja staf tetapi bekas staf perpustakaan. Salah seorang mantan KP lama pun ada dan beberapa pegawai kanan pustaka yang telah lama bersara pun turut serta.

Nampaknya perpisahan kali ini lebih meriah dan bermakna daripada ketika majlis perpisahan dua KP yang sebelum ini. Masa telah berubah maka cara sambutan pun turut berubah dan bertambah meriah. Semua yang turut hadir

pada malam itu nampaknya bermuka ceria. Ramai yang berpakaian baru maklumlah suasana Idul Fitri masih terasa. Tetamu istimewa pada malam itu, sudah tentu KP hadir bersama suami.

Dalam ucapan, beliau melahirkan rasa terharu dengan sambutan yang telah diberikan oleh staf pustaka memang di luar dugaan.

Pada malam yang penuh nostalgia ini, beberapa kakitangan telah menyampaikan hadiah peribadi untuk beliau. Manakala di akhir majlis KP sendiri telah memecahkan

tradisi di jamuan lain apabila menghadaikan para hadirin dengan dendangan lagu.

Seperti jamuan lain, para hadirin telah dihidangkan dengan jamuan dan diiringi dengan musik dan nyanyian oleh staf dan juga bekas staf perpustakaan.

Bab kata pepatah, yang patah tumbuh yang hilang akan berganti, begitulah putaran roda kehidupan, setiap yang bermula akan berakhir, yang pergi akan dikenang, segala jasa dan sumbang bakti tentunya akan tersurat di jendela pustaka.



Staf Perpustakaan Mengangkat kad bertulis 'Selamat Bersara' kepada KP selepas beliau mengetip kad kehadiran buat kali terakhir.

Kursus/Bengkel/Seminar Sepanjang 2001

Disusun mengikut tarikh kursus. **Sumber: Bahagian Projek dan Latihan**

KURSUS	NAMA PESERTA	TARIKH	TEMPAT
MICROSOFT WORD (ASAS)	Shahnizam Ab. Rahim	JAN 11 & 12	PTM, USM
KURSUS PENGURUSAN INTEGRITI	Noor Ida Yang Rashdi	JAN 17 & 18	HOLIDAY INN, PP
MS ACESS (ASAS)	Ahmad Faris Hassan	JAN 17 & 18	PTM, USM
MICROSOFT ACESS LANJUTAN	Ahmad Faris Hassan	JAN-FEB 31 & 1	PTM, USM
BENGGEL "TRAIN THE TRAINERS"	Semua Kakitangan Profesional di Kampus Induk	FEB 27 & 28	PU1, USM
SEMINAR PENANDAARASAN UNTUK SEKTOR AWAM	Noor Ida Yang Rashdi	MAC 1	PPN, KEPALA BATAS, PP
PHOTOSHOP	Faridah Shahiran, Latipah Yahaya	MAC 11	BIRO COMBITS
BENGGEL PERANCANGAN STRATEGIK, ALUMNI USM	Noor Ida Yang Rashdi	MAC 15 - 18	CITITEL, KL
SEMINAR MAMPU	Noor Ida Yang Rashdi, Rashidah Begum	APR 5 & 6	PUTRAJAYA, KL
KURSUS INDUKSI	Ahmad Faris Hassan	APR 9 & 20	DPU, USM
SEMINAR PROFESSIONAL SECRETARIES WEEK 2001	Aishah Mohd. Zain, Yvonne R. Rasen, Zainab Abu Bakar Marican, Zaiton Abd. Halim	APR 22	THE GURNEY HOTEL & RESIDENCES
PERSIDANGAB E-TIAS 2001	Mohd. Idris Hj. Ali, Masrah Hj. Abidin	APR 23 & 25	SUNTEC CITY, SINGAPURA
DREAMWEAVER	Nor Asnida Zubir, Nor Asnida Zubir, Rosni Habib, Sabrina Ahmad	MEI	PTM, USM
BENGGEL PERANCANGAN STRATEGIK	Semua Kakitangan Profesional, Pegawai Penerbitan, Pegawai Sistem Maklumat, Ketua Kerani	MEI 2 & 4	HOLIDAY INN, PP
COREL DRAW ASAS	Cheah Teng Boon	MEI 9 & 21	BIRO COMBITS, USM
BENGGEL PENGENALAN SUMBER RUJUKAN	Abd. Rahim Derani, Al-Rashid Kalandar Mastan, Ariffin Aziz, Cheah Teng Boon, Goon Kuang Ok, Hashim Hasan, Hasril Fadzli Hasan, Kamal Puteh, Kirubananthan Sundaraju, Mazlan Nor, Mohd. Idris Syed Sulaiman, Mohd. Shamsuri Jusoh, Mohd. Yusoff Hussain, Musthapa Ismail, Omar Yusoff, Quah Kung Hai, Ong Chin Hock, Saad Darus, Teh T'oh Seng, Wan Zahari Wan Din, Zulkifli Ramli	MEI 10	PU1, USM
CERAMAH 'BENCH MARKING' - PENANDARASAN	Ahmad Saleh, Akhiar Salleh, Amin Razip Hassan, Arinawati Ayob, A'watif Ahmad, Mohd. Nasir Md. Rashid, Mohd. Yusoff Hussain, Noor Ida Yang Rashdi, Ramli Abd. Samad, Sukmawati Muhammad, Wan Zahari Wan Din, Yusliza Jusoh	MEI 11	DPU, USM
BENCH MARKING	Mohd. Abbas Yusoff	MEI 11	DPU, USM
PERSIDANGAN SEHARI PKAPUSM	Noor Ida Yang Rashdi, Ramli Abd. Samad	MEI 12	DEWAN BUDAYA, USM
MICROSOFT OFFICE WEB	Abu Othman, Azhar Hassan, Hussien Hj. Tahir, Muniandy Ramayah, Yashmah Mohd. Noor, Zaibedah Hashim	MEI 15	PTM, USM
MACROMEDIA FIREWORK	Mohd. Murad Shahiran, Ruhana Hussin	MEI 16 & 17	PTM, USM
NORTON UTILITIES	Mohd. Idris Hj. Ali, Ruhana Hussin	MEI 17 & 24	BIRO COMBITS, USM

Where is the wisdom we have lost in knowledge ?
Where is the knowledge we have lost in information ? - T.S. Eliot

MS ACCESS ASAS	Siti Salmah Harun, Zaibedah Hashim	MEI 22 & 23	BIRO COMBITS, USM
KURSUS KEMAHIRAN DAN APLIKASI PENANDAARASAN UNTUK SEKTOR AWAM	Sukmawati Muhammad	MEI 22 & 24	PPN, KEPALA BATAS, PP
LATIHAN INDUKSI UTK STAF BARU	Hasril Fadzli Hasan	MEI 24 & 26	PU1, USM
POWER POINT LANJUTAN	Siti Salmah Harun	MEI 30 & 31	PTM, USM
INTERNATIONAL CONFERENCE FOR LIBRARY AND INFORMATION SCIENCE EDUCATORS IN THE ASIA PACIFIC REGION	Rashidah Begum	JUN 11 & 12	HOTEL PJ HILTON, SELANGOR
KURSUS PENGURUSAN PROJEK EDITORIAL	A'watif Ahmad, Zaibedah Hashim	JUN 12 & 14	REGENCY HOTEL & RESORT, PORT DICKSON
LATIHAN INDUKSI UNTUK STAF BARU	Mohd. Radzif Abdul Rashid, Hasril Fadzli Hasan, Mohd. Taufik Ibrahim	JUN 13 & 15	PU1, USM
KURSUS INDUKSI UTK STAF BARU	Hasan Sukit	JUN 13 & 25	PU1, USM
INFO SOC 2001	Che Norma Bahri, Masrah Hj. Abidin, Noor Ida Yang Rashdi, Rapeeah Ahmed, Rashidah Begum	JUN 14 & 15	EQUATORIAL HOTEL, PP
KURSUS PENGURUSAN INTEGRITI	Hashim Hasan, Quah Kung Hai	JUN 6 & 7	DPU, USM
PERSIDANGAN KEBANGSAAN MALAYSIA MENGENAI PEMBELAJARAN ELEKTRONIK 2001	Habsah Abdul Rahman	JUN 7 & 8	SUNWAY PYRAMID CONVENTION CENTRE, PJ
VISUAL BASIC (ASAS)	Abd. Rashid Baba, Mohd. Murad Shahiran, Norazam Ariffin	MEI-JUN 30 & 1	PTM, USM
ADOBE IMAGE STYLER	Rizalawati Ayu Abd. Razak	JULAI 16	PTM, USM
MS WORD (LANJUTAN)	Rapeeah Ahmed, A'watif Ahmad, Faridah Shahiran, Rosni Habib, Siti Salmah Harun	JULAI 17 & 18	PTM, USM
KURSUS PENULISAN SURAT RASMI DAN PEMANTAPAN BAHASA	Ahmad Faris Hassan, Aishah Mohd. Zain, Arinawati Ayob, Habsah Abdul Rahman, Hamdan Hassan, Mohd. Idris Hj. Ali, Noorizan Hj. Abd. Hamid, Ramli Ibrahim, Rizalawati Ayu Abd. Razak, Ruhana Hussin, Siti Roudhah Mohd. Saad, Sukmawati Muhammad, Yusliza Jusoh, Zaiton Abd. Halim	JULAI 17 & 19	PPSK, USM
BENGGEL METADATA AND QUALITY ASSURANCE & BENCHMARKING	Aini Yusof, Mohd. Nasir Md. Rashid	JULAI 2 & 4	UTM, KL
MS EXCEL (LANJUTAN)	Hashim Hasan, Rapeeah Ahmed, Arinawati Ayob, Wan Zahari Wan Din	JULAI 23 & 24	PTM, USM
MACROMEDIA FLASH	Ramli Ibrahim, Sabrina Ahmad	JULAI 5 & 6	PTM, USM
MS EXCEL (ASAS)	Masrah Hj. Abidin, Rapeeah Ahmed	JULAI 9 & 10	PTM, USM
KURSUS INDUKSI UMUM KUMPULAN II	Latipah Yahaya, Mohd. Zaidi Ahmad	JULAI 9 & 20	DPU, USM
BENGGEL PENYELESAIAN MASALAH (PROBLEM SOLVING) DAN PENGURUSAN KONFLIK	Sukmawati Muhammad	OGOS 1	PNM, KL
67TH INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS & INSTITUTIONS ANNUAL CONFERENCE	Masrah Hj. Abidin, Noor Ida Yang Rashdi, Rashidah Begum, Ramli Abdul Samad	OGOS 17 & 25	BOSTON, USA
MS ACCESS ASAS	Fazlina Mohd. Rouse	SEPT 13 & 14	PTM, USM
SEMINAR ON ISO 9001: 2000 THE KEY CHANGES	Abd. Rashid Baba, Mohd. Pisol Ghadzali	SEPT 19	PEARL VIEW HOTEL, BUTTERWORTH
KNOWLEDGE MANAGEMENT	Abd. Akla Wan Ismail, Fawzia Dawood, Noorizan Hj. Abdul Hamid	OKT 22 - 24	UTM, JOHOR

"A good library is a place, a palace where the lofty spirits of all nations and generations meet."

— Samuel NIGER (1883-1956)

RASHIDAH BEGUM

SELEPAS hampir 30 tahun mengabdikan diri, mencurahkan segala sumbangan bakti yang tidak pernah berbelah bahagi kepada Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan khususnya, akhirnya dalam keadaan yang tidak terduga beliau telah mengejutkan banyak pihak apabila memutuskan untuk bersara secara pilihan pada 31 Disember 2001.

Menyingkap kembali sejarah, beliau anak ke-4 dari keluarga seramai 7 adik-beradik, dilahirkan dan dibesarkan di sebuah pekan kecil, Taiping, Perak.

Beliau bersekolah rendah di Notham Road Girls School, Taiping dan menghabiskan pendidikan menengah di St. Georges Girls School, Pulau Pinang. Pendidikan tinggi beliau di Universiti Malaya dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Geografi.

Beliau juga bekas Pelajar Lanjutan di Kajian Perpustakaan dan Maklumat, UiTM. Selain itu, beliau juga mempunyai kelulusan dari Library Association of Library Association Examination.

Karier Rashidah dalam dunia perpustakaan bermula pada 1973, di Perpustakaan USM. Tugas pertama beliau di sini sebagai pustakawan di Bahagian Bersiri. Pada tahun 1977 beliau ke Unit Koleksi Bahasa Malaysia untuk selama satu setengah tahun.

Karier beliau mula menunjukkan kecemerlangan apabila di beri kepercayaan mengetuai Bahagian Perolehan. Selepas 4 tahun, sekali lagi beliau ditukarkan dan mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan sehingga 1984.

Beliau dilantik menerajui Bahagian Automasi dari tahun 1984 sehingga 1991, sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pustakawan. Empat tahun berikutnya merupakan tahun keemasan beliau di Perpustakaan. Beliau dilantik sebagai Pemangku Ketua Pustakawan selama setahun sebelum disahkan sebagai Ketua Pustakawan ketiga pada Oktober 1995.

Sebagai seorang pustakawan yang berpengalaman, beliau banyak terlibat dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan bidang kerja ini walaupun di luar daripada waktu pejabat. Sebagai contoh, beliau kini dilantik sebagai Pengerusi, AJK Section Asian Oceania kepada badan International Federation of



Rashidah Begum

Library Associations and Institutions (IFLA) pada tahun 2001. Jawatan ini merupakan jawatan tertinggi untuk rantau ini. Sebelum ini beliau pernah menyandang Secretary General dalam badan yang sama.

Manakala di peringkat kebangsaan pula beliau pernah memegang Pengerusi, Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM), dan jawatan akhir di dalam pertubuhan ini sebelum beliau bersara ialah sebagai Setiausaha. Sementara itu beliau juga salah anggota sidang pengarang untuk majalah Berita PPM. PPM juga

melantik beliau sebagai wakil persatuan tersebut di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Di peringkat negeri pula, beliau adalah ahli jawatankuasa kepada Kumpulan Pustakawan Pulau Pinang, dan pernah menjadi pengerusi badan tersebut pada 1990.

Disamping itu, beliau bergerak cergas dalam Persatuan Wanita USM, dan pernah memegang beberapa jawatan penting di dalam persatuan. Antaranya ialah sebagai Ahli Jawatankuasa, Penolong Setiausaha, Naib Presiden dan jawatan akhir ialah sebagai Presiden. Beliau juga telah beberapa tahun dilantik sebagai Ahli Lembaga Kedai Koperasi USM.

Di atas nama KP dan juga individu beliau telah banyak menghadiri kursus, bengkel, seminar atau persidangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Hasilnya beliau secara langsung telah banyak menerbitkan bahan tulisan, kertas-kerja dalam bidang kepustakawanan.

Di masa lapang, beliau minat mendengar lagu-lagu Melayu seperti lagu Bunga Tanjung dan lagu dendangan penyanyi seperti Sharifah Aini, Dahlan Zainuddin, Noraniza Idris atau Ziana Zain.

Peribadi kewanitaan Rashidah memang terserlah kerana beliau gemar kepada kegiatan seperti membuat dekorasi dalaman rumah, memasak dan mengelaskan barangan disamping suka membaca.

Dalam berkeluarga beliau telah mendirikan rumah tangga lebih dari 20 tahun lalu. Hasil dari perkahwinan ini beliau telah dikurniakan 3 cahaya mata, 2 lelaki dan 1 perempuan.

Apa moto yang menjadi pegangan beliau? "Sentiasa bersyukur kepada Allah atas apa yang dimiliki dan buat yang terbaik dalam setiap yang dilakukan".

ALBUM

Gambar-gambar di ruangan ini di ambil sempena Majlis Makan Malam untuk bekas Ketua Pustakawan USM, Rashidah Begum yang diadakan di Dewan Bankuasi, USM pada 5 Januari 2002 lalu.



Sebuah nukilan sajak dari cetusan rasa Ruslan Che Pee. Sajak ini dideklamasikan pada Malam Jamuan Perpindahan Rashidah Begum pada 5 Januari 2001 Di Dewan Bankuasi USM Pulau Pinang.

PERPISAHAN

tatkala hari rembang petang
tatkala senja disambut dingin
bagai mengalir rasa restu
dengan perpisahan mendabik sunyi ...

Puan
perpisahan adalah perlabuhan
yang harus kita lalui
meskipun diselubungi kabus kepiluan
meskipun punya ribuan kasih disini dan jutaan sayang merata
rantau ini akan ditinggalkan jua ...

Puan
rantau pustaka perjuangan ini perlu diteruskan
pada barisan perlapis terlatih
berbekalkan wawasan pimpinan tersohormu
dalam suatu agenda perjuangan yang masih belum selesai...

Puan
batas perjuangan ini akan kami semai
dengan benih-benih harapanmu yang subur
bersama tunas-tunas kasih bersih yang luhur
yang bakal tumbuh pepohon nan rendah
yang bakal membuahkani isi nan ranum
agar ia tidak sia-sia
supaya harapan bukan impian cuma...

Tuhan
padamu kupohonkan doa
berkatilah usaha dan jasa ketua kami
bimbingilah dia ke destinasi pelayaran murni
jika ada ...
ampunilah segala dosa dia
ampunilah segala dosa kami

Tuhan
jika perpisahan ini, perpisahan keramat
hanya satu yang kami pinta
temukanlah kami di pustaka abadi
agar pertemuan bermula kembali.

Noor Ida Yang Rashdi : Ketua Pustakawan Ke-4

NOOR IDA YANG RASHDI, dilantik sebagai Ketua Pustakawan Ke-4 menjawat jawatan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2002 menggantikan Rashidah Begum yang telah bersara secara pilihan pada 31 Disember 2001. Sebelum ini beliau merupakan Timbalan Ketua Pustakawan selama 6 tahun.

Noor Ida telah mula berkhidmat di Universiti Sains Malaysia pada 1974 sebaik sahaja beliau menamatkan pendidikan di Universiti ini. Jawatan pertama yang disandang ialah sebagai Pegawai Tadbir, di Bahagian Proses Teknik sebelum ditukarkan ke Bahagian Perolehan pada 1979. Pada 1980 apabila Pusat Pengajian Perubatan ditubuhkan beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi Ketua Pustakawan di Perpustakaan Perubatan hingga September 1981 kerana terpaksa mengambil cuti tanpa gaji selama 3 tahun kerana mengikuti suami ke luar negara.

Selepas kembali dari luar negara pada April 1984, beliau ditugaskan sekali lagi di Perpustakaan Perubatan sebagai Penolong Pustakawan. Pada Ogos 1984, beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pustakawan Kanan dan mula mengetuai Bahagian Rujukan dan Maklumat selama 7 tahun.

Pada 1992, sekali lagi beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Pustakawan dan ditugaskan di Bahagian Automasi untuk selama 7 tahun. Pada 1995, beliau menduduki kerusi Timbalan Ketua Pustakawan untuk selama 6 tahun sehingga penghujung 2001.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan amat menarik sepanjang 27 tahun lalu di dalam bidang perpustakaan. Selepas beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda, beliau telah melanjutkan pelajaran di dalam ilmu perpustakaan dan berjaya mendapat Post Graduate Diploma in

Librarianship dari College of Librarianship Wales, University of Wales Aberystwyth, UK pada 1979. Pada 1984 beliau mendapat Master in Librarianship dari universiti yang sama.

Di samping kelulusan akademik, beliau telah mengikuti beberapa kursus profesional berkaitan dengan bidang ini. Beliau pernah mendapat Fellow Australia Universities International Development Program bagi mengkaji aktiviti Pegawai Perhubungan Perpustakaan di Institut Pengajian Tinggi di University of Western, Australia. Pada 1989 beliau mengikuti kursus IT di Asian Institute of Technology (AIT) di Bangkok, Thailand.

Pada 1996, beliau mengikuti kursus yang di anjurkan oleh British Council, iaitu Information Systems in the 21st Century, di University of East Anglia, Norwich, England. Dimana pada tahun yang sama beliau juga turut membuat lawatan sambil belajar di BUBL Information Services, di Edinburgh, Scotland.

Di dalam bidang penerbitan, beliau telah terlibat secara langsung di Persidangan CONSAL 1996 dan di Conference of Muslim Librarian's and Information Scientist, 1986 dengan menerbitkan kertaskerja. Beliau juga telah membantu mewujudkan pangkalan data CDS/ISIS untuk projek South East Asian Regional Research Advisory Group (SEARRAG) di Brunei, Singapura, Filipina, Thailand dan Singapura dan Indonesia.

Beliau juga telah mengikuti perkembangan kepustakawanan melalui persidangan yang telah dihadapinya seperti CONSAL di Bangkok dan Singapura, juga IFLA



Noor Ida Yang Rashdi

di Beijing, China dan Boston USA.

Penghormatan yang diterima sebagai Ketua Pustakawan ialah beliau di lantik sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang iaitu mewakili Naib Canselor Universiti. Beliau juga pernah menerima beberapa penghargaan dan khidmat cemerlang sepanjang karier di universiti ini. Sementara kerajaan Negeri Pulau Pinang juga turut menganugerahkan beliau Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada 1995.

Setelah diberi kepercayaan di sebuah jabatan yang terbesar di universiti ini beliau telah menanam harapan untuk bekerja lebih keras dan meneruskan kesinambungan yang lebih cemerlang yang telah diwarisi dari KP yang terdahulu.

Beliau juga berharap agar semua staf akan memberi sokongan secara berterusan di samping beliau sendiri sentiasa bersedia untuk mendengar sebarang komen, kritikan atau cadangan yang boleh menambah baik perkhidmatan di perpustakaan ini.

BERITA

KM ?

NAMPAKNYA istilah Knowledge Management (KM) menjadi sebutan yang hangat sejurus dunia menyingkap tabir abad ke-21. Walaupun terdapat ramai yang keliru dengan istilah ini namun KM berdasarkan kepada satu bentuk perniagaan jenis baru yang berasaskan ilmu pengetahuan. Ini kerana pengetahuan adalah kuasa baru dalam dunia perniagaan, korporat dan sebagainya. Secara tidak langsung bila disebut maklumat, pengetahuan dan ilmu maka ia secara langsung atau tidak langsung berkait rapat dengan perpustakaan. Tugas pustakawan sejak dulu lagi iaitu mengumpul, mengatur dan menganalisa maklumat untuk pengguna, maka tidak hairanlah dunia perpustakaan antara yang mula dilanda demam KM.

Seminar KM

PADA 22-24 Oktober 2001, selama 3 hari 2 malam, satu persidangan KM telah diadakan di Selatan Tanahair. Banyak kertas kerja dibentangkan oleh cerdik pandai dari dalam dan luar negara. Mereka berkumpul di sana hanya dengan satu tujuan iaitu untuk membincangkan tentang KM. Banyak pendapat dan pengalaman dikongsi bersama. Di akhir persidangan itu sekurang 10 resolusi telah diusulkan, dibincangkan dan diterima secara purata oleh para peserta. Di sini diperturunkan apa yang dicadangkan sebagai resolusi.

1. Organisasi diharapkan dapat mengenalpasti tugas utama mereka (core business) dengan memberikan keutamaan kepadanya sebagai fokus kepada KM.
2. Pustakawan diharapkan dapat mewujudkan kesefahaman antara mereka dengan organisasi-organisasi lain dalam berhadapan dengan persaingan pembentukan persekitaran perpustakaan digital.
3. Pembangunan program untuk perpustakaan dengan menekankan kepada kecekapan kepada Sistem Pendigitalan Perpustakaan Kebangsaan.
4. Perpustakaan seharusnya memainkan peranan yang proaktif sebagai agen KM dalam organisasinya.
5. Bahasa dan budaya menjadi petunjuk penting dalam merangka strategi KM untuk organisasi.
6. Perpustakaan perlu mengemukakan konsep dan membangunkan rangka kerja atau struktur pengetahuan demi untuk meneruskan usaha-usaha untuk menguasai pengetahuan yang terselindung di dalam organisasi.
7. Akta Hakcipta 1987 seharusnya dikaji semula demi bersesuaian dengan penggunaan hakcipta bahan dalam pustaka.
8. Konsortium perpustakaan seharusnya dimulakan untuk menyelaraskan Sistem Digital Perpustakaan Nasional (PERDANA).
9. Perpustakaan seharusnya memainkan peranan utama dalam perbincangan yang boleh menghasilkan peraturan yang mencakupi pengaksesan kepada maklumat bercetak dan tidak bercetak.
10. Perpustakaan juga harus membina rangka kerja untuk KM dalam kerjasama mewujudkan kerjaya.

"The greatest kindness you can do to yourself is to do your job with quiet competence and a sparkle in your eye. But be reminded that some of the best rewards in life may never come from your superior nor be measureable in monetary terms"

Meladee McCarty

Jalan Ke Boston

Oleh Ramli Abdul Samad

Sejak hari pertama saya menjadi pustakawan di Perpustakaan USM sudah timbul dalam hati kecil saya bahawa saya kepingin sangat untuk membentangkan sebuah kertas kerja bertaraf antarabangsa sebelum saya bersara dan memastikan juga satu hari nanti salah sebuah artikel saya akan menembusi dalam sebuah jurnal perpustakaan bertaraf antarabangsa. Tidak terlintas di benak saya yang saya akan memimpikan menjadi seorang Ketua Pustakawan.

Tugas Pustakawan

Selama bertugas sebagai seorang pustakawan biasa sudah tentunya saya selalu bersua dengan program-program anjuran badan-badan yang berkaitan dengan maklumat termasuk persatuan-persatuan perpustakaan baik dalam negeri mahupun luar negeri. Saban tahun badan-badan ini lazimnya menganjurkan seminar, konferens, simposium atau yang seumpamanya dan di sana akan ada program di mana pembentangan pelbagai kertas kerja dengan pelbagai mauduk yang berkisar dengan dunia maklumat.

Saya sedar yang saya tidak mempunyai jaringan yang akan membuka jalan bagaimana saya boleh mendapat peluang membentangkan sebuah kertas kerja baik untuk tahap lokal mahupun nasional. Namun dalam kesempatan-kesempatan lain ada rakan-rakan tertentu yang mencadangkan bahawa saya sudah boleh berbuat demikian. Selagi tidak dapat peluang selagi itu saya tetap bersabar dan menunggu peluang yang bakal muncul.

Peluang

Entah bagaimana pada satu hari pada lewat tahun 2000 saya me-

nerima melalui e-mail yang bersumber dari Australia. Saya yakin e-mail itu turut dipanjangkan kepada banyak pihak menghimbau satu permintaan untuk mengirim sebuah abstrak kertas kerja yang mauduknya digariskan secara umum, jika diterima kelak akan dipinta draf kertas kerja yang nanti akan diputuskan oleh sebuah jawatankuasa di peringkat wilayah yang bermesuarat di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang nanti akan diputuskan pula untuk dipertimbangkan sama ada layak atau tidak dipersembahkan di konferens antarabangsa yang dianjurkan oleh badan dunia perpustakaan bernama IFLA. Saya mengambil kesempatan itu. Sebelum keputusan dibuat rakan saya Sdr Akla Wan Ismail sudah begitu yakin yang saya tetap akan ke Boston. Betulkah ramalan beliau?

Saya tidak dapat menceritakan betapa seronoknya hati kecil saya apabila menerima berita yang saya telah berjaya dipilih dan diberi tajaan dari Sweden (SIDA) bagi menghadiri di konferens itu di Boston, Amerika Syarikat. Pertamanya sebahagian dari impian saya telah dimakbulkan. Keduanya rasa seronok itu kerana inilah peluang saya dapat ke Amerika Syarikat, sebuah bumi yang kononnya termaju di dunia yang belum saya

jejaki sepanjang hidup saya. Ketiga pembentangan kertas kerja ini adalah yang pertama pernah saya bentangkan sepanjang kerjaya saya di Perpustakaan USM.

Kertas Kerja

Sebelum saya ke Boston saya sempat meminta komen dari rakan-rakan saya tentang kertas kerja saya. Rata-rata semua menulis memuji walaupun saya juga ingin melihat ulasan kritis bertulis mengenainya.

Semasa membentangkan kertas kerja pada 22 Ogos 2001 saya yang bertajuk **"The Double-edged sword : a brief comparison of IT and Internet development in Malaysia and a few neighboring countries in Asia"** memang terasa sedikit gementar namun semua itu hilang tidak berapa lama kemudian. Tatkala itu juga saya rasa buat kali keduanya saya memakai pakaian rasmi (baju kot, bertali leher) dalam kehidupan saya. Ketiga-tiga soalan yang dilempar semasa sesi soal jawab dapat saya pertahankan dengan baik sekali. Saya rasa begitu yakin diri dan amat seronok. Sebaik selesai sesi soal jawab Penegerusi Majlis Sesi itu terus mengucap taniah yang tinggi kerana persembahan saya.



Pemuzik jaz jalanan antara warna-warna kota Boston

Ke Boston

Semasa dalam kapal terbang menuju Malaysia kenangan Boston selalu mengusik saya. Ucapan Pengerusi Sesi memperkenalkan saya " Mr. Ramli Abdul Samad from USM, Malaysia" untuk naik ke pentas masih lagi terngiang-ngiang di telinga. Saya merasa begitu yakin yang saya sudah boleh membentangkan beberapa lagi kertas kerja di persada antarabangsa cuma kini masalah tajaan boleh menjadi hambatan. Perjalanan balik ke Pulau Pinang sama lamanya memakan hampir 30 jam !

Sekembali di tanah air ada desas desus yang tidak mengemukakan halua telinga mengenai kehadiran saya di Boston namun semua itu tidak saya layankan sangat. Jika ada ketidaksenangan bertulis mungkin saya boleh menangkasnya. Selang beberapa bulan saya menerima e-mail lagi kali ini dari pihak Sidang Pengarang IFLA Journal dari Netherland. Salah seorang kanan sidang itu meminta izin agar artikel saya yang saya bentangkan di Boston dimuatkan ke dalam jurnal untuk isu **volume 27, nos. 5-6, December 2001**. Masakan saya menolaknya.

Jurnal IFLA

Seperti saya katakan pada awal coretan ini saya juga mempunyai impian untuk melihat artikel saya dalam sebuah jurnal antarabangsa, maka berita dari IFLA Journal itu amat me-nyeronokan. Pada suatu rangkap mesej dari anggota sidang pengarang itu menyatakan bahawa "... whereas I think it would not be easy to find a description and analysis of the situation in some Asian countries, especially Malaysia, similar to the one you provide. I found this part of the paper very interesting and thought-provoking " Sudah tentunya saya rasa seronok meskipun ada pihak yang tidak setuju dengan pandangan beliau.



Editor bersama Roman Spytek mantan pensyarah USM dan Tom Napolitano mantan peace corp yang mengajar editor pada tahun 1968. Gambar di ambil di Manchester-by-Sea, Boston.

Apa-apapun sekira ada di antara rakan saya khususnya yang masih muda yang ingin mengecap keseronokan dan kepuasan membentangkan kertas kerja atau menikmati rasa bangga kerana hasil karyanya dapat dimuatkan ke dalam sebuah jurnal bertaraf antarabangsa dan berprestij itu mesti terlebih dahulu mempunyai impian dan bekerja keras ke arah itu seperti banyak membaca dan menulis dan sentiasa mencari lubang-lubang kesempatan yang sesuai. Misalnya IFLA menganjur saban tahun konferens di sebuah kotaraya terpilih di planet ini dan setiap tahun IFLA cuba mengenengahkan bakal-bakal pembentangan. IFLA bukan sahaja meminta isu yang menjadi 'core business' dunia kepustakawanan seperti bagaimana meningkatkan perkhidmatan pustaka, pembinaan perpustakaan maya dan sebagainya tetapi juga isu-isu yang lebih luas skop yang pustakawan terpaksa menjangkau-nya secara intelektual yang berkaitan dengan maklumat. Mauduk untuk ditangani adalah luas dan terserahlah bidang mana yang anda merasa cukup senang untuk digarapi. Semua bidang adalah sesuai asalkan kita boleh menghujah secara bersepadu dan selari dengan misi IFLA to provide the free flow of information. Kehadiran di perjumpaan seperti yang dianjurkan oleh IFLA memberi kita peluang juga meskipun terhad untuk berkenalan

sebanyak mungkin rakan-rakan baru dari seluruh antero dunia. Jangan pula di perjumpaan seperti itu kita asyik bersama dengan rakan-rakan dari negara kita sahaja. Kita luaskan cakerawala pergaulan kita. Usaha seperti ini adalah selari dengan imbauan Naib Canselor kita yang menekankan kepada konsep pengantarabangsaan.

Akhir sekali ingat sedikit bahawa menyediakan sebuah kertas kerja apatah lagi yang bertaraf antarabangsa adalah lebih sulit daripada membuat window shopping di mall-mall gergasi. Semua bakal pembentangan mempunyai potensi seperti saya. Saya pun berprofil kerdil. Ada pepatah Melayu berbunyi jika hendak seribu daya jika tak hendak seribu dalih.



Ramli Abdul Samad—Editor JENDELA. Ketua di Bahagian Malaysiana & Arkib. Bertugas di USM sejak 20 tahun lalu.

Program Pendidikan Pengguna Perpustakaan

Oleh Ruslan Che Pee

Matlamat utama penubuhan sebuah Perpustakaan Universiti adalah untuk menyokong program pendidikan, pembelajaran, penyelidikan dan pengembangan bagi universiti berkenaan. Salah satu daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan dalam menjayakan matlamat tersebut ialah dengan mengadakan program pendidikan pengguna perpustakaan. Program ini adalah khusus untuk membolehkan para pelajar atau pengguna baru memperoleh kemahiran-kemahiran asas dalam penggunaan perpustakaan. Kemahiran-kemahiran asas dalam pencarian dan penggunaan maklumat amatlah penting dan perlu untuk mengajar dan melatih para pelajar menggunakan perpustakaan secara betul dan mampu berdikari. Atas kesedaran inilah maka semua Perpustakaan Universiti menyediakan program pendidikan pengguna pada saban tahun, bersempena dengan kemasukan pelajar-pelajar baru universiti berkenaan. Antara lain, program ini bertujuan mendedahkan pelajar-pelajar baru kepada apa yang relevan di perpustakaan untuk pembelajaran dan penyelidikan mereka. Sementara itu mereka juga perlu mengetahui bagaimana mereka dapat memperoleh maklumat-maklumat tertentu yang dikehendaki melalui perkhidmatan dan sistem perpustakaan yang sedia ada. Pada kebiasaannya program pendidikan pengguna ini adalah merupakan suatu program orientasi perpustakaan. program ini merangkumi beberapa sesi seperti memberikan sesi taklimat, lawatan berpandu perpustakaan dan



Perpustakaan USM Kampus Kejuruteraan

tunjukajar/latihan penggunaan sistem katalog perpustakaan atau lebih dikenali dengan nama OPAC (Online Public Access Catalogue).

Sesi Taklimat

Sesi memberi taklimat mengenai perpustakaan selalu dijalankan di dalam dewan besar dan dihadiri oleh semua pelajar baru yang terlibat dengan program orientasi tersebut. taklimat diberikan oleh kakitangan profesional atau Pustakawan. Teknik yang selalu digunakan ialah dengan mengadakan pertunjukkan transparenasi atau slaid dan tayangan video mengenai perpustakaan. Para pelajar diperkenalkan kepada struktur dan organisasi perpustakaan, jenis, skop koleksi, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan, peraturan-peraturan perpustakaan dan teknik-teknik pencarian maklumat berkomputer terkini seperti penggunaan pangkalan-pangkalan data CD-ROM. Para pelajar juga dimaklumkan mengenai sistem pengkelasan bahan-bahan perpustakaan dan bagaimana susunatur bahan-bahan berkenaan dibuat. Semuanya ini akan membolehkan mereka menggunakan perkhidmatan dan koleksi perpustakaan dengan betul dan berkesan. Pada sesi ini juga para pelajar bukan sahaja diperkenalkan kepada skill dan konsep mengenai perpustakaan, akan tetapi

mereka juga didedahkan dengan perkembangan IT (teknologi maklumat) dan sistem telekomunikasi masakini seperti penggunaan electronic mail, Internet, WWW

(World Wide Web/Homepage) dan membawa kepada konsep virtual/electronic library.

Sesi Lawatan Berpandu

Pada kebiasaannya kebanyakan Perpustakaan Universiti mengadakan sesi lawatan berpandu selepas sahaja mengadakan sesi taklimat di dewan besar. Terdapat juga perpustakaan yang mengadakan sesi tersebut pada hari yang lain

dengan beberapa alasan seperti kesuntukan masa atau bilangan pelajar yang hadir terlalu ramai. Sebelum sesi lawatan dijalankan, para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan-kumpulan kecil. Setiap kumpulan mengandungi 20 - 25 pelajar. Jumlah ini bergantung kepada bilangan pelajar yang menghadiri program kecil. Seorang kakitangan profesional atau Pustakawan ditugaskan dalam memandu para pelajar. Lawatan ini mengambil masa selama 1 jam dan merupakan first-hand knowledge kepada para pelajar berkenaan. Mereka akan dibawa melawat dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Tempat atau bahagian yang akan dilawati oleh para pelajar ini telah dikenalpasti lebih awal, begitu juga dengan penerangan yang hendak diberikan. Contohnya semasa di kaunter sirkulasi, mereka akan diperkenalkan dengan sistem integrasi berkomputer perpustakaan. Petugas di kaunter sirkulasi akan mendemonstrasikan proses peminjaman dan pemulangan bahan-bahan perpustakaan dengan sistem berkomputer yang digunakan. Para

pelajar juga akan diberitahu akan koleksi dan lokasi sesuatu bahan dan prosedur atau peraturan yang diperlukan untuk mengguna dan meminjam bahan berkenaan. Semasa sesi ini berjalan para pelajar harus memberi perhatian dan digalakkan membuat sebarang pertanyaan berhubung dengan penerangan tersebut.


Penutup

Program pendidikan pengguna adalah merupakan suatu perkhidmatan tradisi bagi semua Perpustakaan Universiti. Maka keberkesanan perkhidmatan ini khususnya kepada para pelajar atau pengguna perlu kepada kajian dan penilaian dari masa ke semasa. Suatu pendekatan yang lebih baik lagi sistematik perlu ada pada peringkat perancangan dan perlaksanaannya. Kaedah pembahagian kumpulan secara rawak, perlu ditukar kepada pembahagian pelajar mengikut bidang pengajian. Perkara ini dirasakan akan memudahkan staf perustakaan memberikan taklimat dan tunjukajar kepada contoh-contoh yang benar-benar relevan dan sering digunakan oleh kumpulan tersebut semasa di perpustakaan. Penglibatan perpustakaan juga perlu menyeluruh bersama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam merancang dan menyusun jadual orientasi pelajar-pelajar baru. Jika perlu maka matapelajaran seperti pengenalan/kajian perpustakaan




Bilik CAI

perlu ditawarkan kepada para pelajar sebagai matapelajaran pilihan diperingkat tahun pertama pengajian. Sementara itu integrasi yang berkesan di antara library orientation dan library instruction amat perlu di rancang dengan baik di peringkat awal dalam menghasilkan program pendidikan pengguna yang benar-benar berkesan dan mampu memberikan para pelajar suatu bentuk pengetahuan, kemahiran dan boleh berdikari semasa di perpustakaan.



Penulis artikel ini —Ruslan Che Pee, Pustakawan di Perpustakaan Kejuruteraan, USM. Sebagai Pustakawan di USM sejak lebih 10 tahun lepas.



Rajah Proses Perkembangan Program Pendidikan Pengguna Perpustakaan

Sesi Tunjukajar/Latihan OPAC

OPAC merupakan salah satu dari modul di dalam sistem integrasi perpustakaan. Ianya merupakan alat yang

“Kita tidak akan memahami erti kemenangan jika tidak ditusuki dulu oleh kekalahan. Kita tidak akan mengetahui selembut mana erti kasih jika tidak terlebih dahulu disinggahi kebencian” - A. Samad Said

Kajian Tabiat Pengguna Internet di Perpustakaan USM

Saudara Akla W Ismail telah membuat satu kajian terhadap mengenai satu aspek perilaku pengguna Internet di Perpustakaan USM. Dapatan beliau mungkin boleh dimanfaatkan kita bersama – **Editor.**

Satu kajian terhadap pengguna Internet di Perpustakaan USM telah diadakan pada tahun lepas. Kajian tersebut dijalankan berdasarkan kepada soal selidik yang disediakan di mana setiap responden dikehendaki menjawab sebanyak 27 soalan mudah yang berkaitan dengan pelbagai perkara tentang Internet.

Asas Kajian

Sepanjang tempoh kajian tersebut seramai 115 orang responden telah memberi maklum-balas. Mereka adalah terdiri daripada pelajar tahun satu hingga empat, pelajar jarak jauh dan pelajar peringkat sarjana.

Maklumat asas, pengguna perpustakaan sehingga tahun 2000 ialah seramai 25,346 pelajar. Secara terperinci, jumlah pelajar mengikut tahun dan kategori ialah sebanyak 15,262 orang pelajar berdaftar untuk tahun satu hingga empat, 7060 orang pelajar jarak jauh, dan 3024 orang pelajar lanjutan. Manakala dalam tempoh kajian di buat, terdapat 3 stesyen Internet di Perpustakaan Utama I dan satu stesyen di Perpustakaan PTPM.

Tujuan

Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum terhadap perlakuan pengguna Internet di kalangan pelajar USM, response pengguna terhadap kemudahan Internet di Perpustakaan, manakala sasarannya diharapkan akan menjadi garis panduan kepada perpustakaan

dalam menyediakan perkhidmatan ini.

Analisa

Kajian ini mendapati bahawa hanya 25% daripada jumlah pelajar menggunakan perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan. Penggunaan Internet nampaknya lebih tertumpu di siber café (37%), di rumah (30%) di tempat lain (10%). Ini berkemungkinan disebabkan kemudahan Internet yang disediakan di perpustakaan sangat terhad. Kerana hanya terdapat 4 buah stesyen Internet. Begitu juga dengan beberapa syarat yang dikenakan oleh perpustakaan terhadap pengguna seperti setiap pengguna dihadkan kepada 10 minit sahaja untuk setiap sesi dan pengguna tidak dibenarkan menggunakan perkhidmatan email. Sedangkan response pengguna menunjukkan 60% daripada pengunjung Internet bertujuan menyemak dan menghantar mel atau berbual (chatting).

Berdasarkan kepada kajian tersebut juga, satu perkara yang menjadi alasan besar kepada kurang pengguna Internet di Perpustakaan ialah kerana terdapatnya perkhidmatan Internet yang disediakan oleh jabatan lain seperti di pusat-pusat pengajian, di pusat komputer dan makmal-makmal di jabatan tertentu. Begitu juga dengan tumbuhnya siber café yang begitu banyak di dalam dan di luar kampus. Kesemua perkhidmatan ini dijalankan dengan mengenakan caj yang murah dan termampu oleh para pelajar.

Kesan Internet

Walaupun begitu, kesan penggunaan Internet sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat akan dilihat negatif dari perspektif pustakawanan kerana sambutan yang kurang memberangsangkan (25%), manakala tujuan perpustakaan menyediakan Internet adalah untuk mendidik para pengguna membuat pencarian yang relevan dengan pengajian dan pembelajaran mereka.

Secara teknikalnya, kebanyakan pelajar di USM adalah mahir (tahu) menggunakan Internet berdasarkan kepada fakta bahawa lebih daripada 80% daripada mereka telah menggunakan Internet lebih dari satu tahun. Sementara itu mereka ini bolehlah dianggap sebagai pengguna Internet yang regular berdasarkan jawapan mereka akan melawat laman di Internet sekurangnya sekali seminggu, ramai pula yang melebihi had itu.

Manakala tapak atau laman dan subjek yang menjadi tumpuan utama para pelajar adalah tapak atau laman yang menyediakan bahan pelajaran, pendidikan dan kajian. Ini berdasarkan kepada lebih 80% daripada mereka adalah antara yang menjadi pelawat kepada tapak atau laman berkenaan.

Namun terdapat rumusan yang agak berbau negatif yang diberikan oleh responden, tetapi ianya seharusnya menjadi panduan berguna kepada perpustakaan dalam menyediakan perkhidmatan Internet untuk masa depan. Antara rumusan tersebut berbunyi, terdapatnya pe-

lajar yang tidak tahu perpustakaan mempunyai laman web, hanya 50% pengguna yang melawat
Rumusan

Daripada kajian ringkas ini maka dapatlah kesimpulan ringkas diberikan bahawa pengguna Internet di Perpustakaan terlalu ramai berbanding dengan kemudahan yang disediakan. Kedua, kebanyakan pelajar telah biasa menggunakan Internet. Ketiga, Internet bukanlah sumber rujukan utama pelajar.

Daripada rumusan tersebut, maka beberapa cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan yang telah sedia ada dianjurkan di sini. Pertama, Perpustakaan patut menyediakan perkhidmatan Internet dengan lebih serius serta meningkatkan objektif penggunaan bahan dari Internet sebagai sumber bacaan dan rujukan. Untuk mencapai hasrat tersebut, maka perpustakaan perlu menambah kemudahan Internet (meningkatkan nisbah jumlah pengguna dengan jumlah stesen kerja Internet, meningkatkan promosi penggunaan Internet di Perpustakaan serta mempertingkatkan kepercayaan dan kebergantungan pelajar terhadap maklumat dan sumber rujukan utama berdasarkan Internet.

“Throughout my formal education I spent many, many hours in public and school libraries. Libraries became courts of last resort, as it were. The current definitive answer to almost any question can be found within the four walls of most libraries.”

— Arthur ASHE (1943-1993)

Penerbit USM Bertaraf Pusat

SELEPAS hampir 30 tahun bernaung di bawah Perpustakaan, akhirnya Jawatan Eksekutif Naib Canselor telah meluluskan cadangan meningkatkan taraf Penerbit USM sebagai Pusat.

Dengan kelulusan ini bermakna Penerbit akan berdiri sama tinggi dengan jabatan lain dan akan membentuk imejnya sendiri sesuai dengan hasrat universiti yang akan menggiatkan lagi daya penerbitan bahan bercetak.

Menurut Ketua Pegawai Penerbitan, Akhiar Salleh, tujuan untuk mengstruktur semula Penerbit USM kerana sudah sampai masanya Universiti mengambil tindakan memperkukuh dan memantapkan wahana dan wadah penerbitan ilmiah.

“Hal ini penting dalam usaha menyebarkan ilmu yang bermanfaat serta mengangkat imej dan martabat Universiti sebagai gedung ilmu dan maklumat” tambah beliau.

Katanya, Universiti dalam proses menstrukturkan semula perjawatan yang diperlukan berdasarkan keperluan semasa selaras dengan tarafnya sebagai pusat.

Katanya, Universiti juga telah meluluskan bangunan D34 dan D36 (dahulunya Pusat Matrikulasi) akan dijadikan bangunan Penerbit USM.

“Kerja-kerja pengubahsuaian sedang dijalankan dan bangunan tersebut akan sedia untuk diduduki pada pertengahan tahun 2002 nanti” katanya.

Penerbit USM ditubuhkan pada 1972 yang merangkap sebagai urusetia kepada Jawatankuasa



Akhiar Salleh

Penerbitan, sementara aktiviti secara kecilan tanpa kakitangan sepenuh masa. Aktiviti Penerbit USM yang lebih serius ditingkatkan pada 1982.

Penerbit USM berdasarkan kepada manifestasi Universiti ketika itu yang perlu memberi tumpuan

kepada memperbanyakkan buku teks dalam Bahasa Malaysia terutamanya yang bersesuaian dengan keperluan pelajar di Universiti ini. Ini adalah bersesuaian dengan dasar Universiti dalam melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun Penerbit USM merupakan sebahagian daripada bahagian di Perpustakaan tetapi semua dasar dan peraturannya ditentukan oleh Jawatankuasa Penerbit iaitu salah satu Jawatankuasa Senat Universiti.

Penerbit USM juga telah dua kali berpindah pejabat sebelum ini. Pusat ini pada mulanya ditempatkan di bangunan perpustakaan Utama I. Tetapi selepas bangunan perpustakaan II siap pada 1994, pusat ini berpindah ke pejabat yang lebih besar dan selesa di bangunan itu.

Sepanjang 30 tahun lalu, Penerbit USM telah banyak memberi sumbangan yang besar sebagai agen penerbitan untuk kakitangan akademik dan bergerak selari dengan kehendak dan hasrat Universiti. “Maka sudah tentu kesinambungan ini akan diteruskan malahan penerbitan akan lebih dipergiatkan sesuai dengan tarafnya sebagai pusat” jelas Akhiar.

BERITA : Hal Ehwal Staf 2001– 2002

Sedang & Tamat Belajar

Nama	Kursus	Status
Akhiar Salleh	Sarjana IT, USM	Tamat
Norazam Arifin	Sarjana IT, USM	Tamat
Ruslan Che Pee	Sarjana IT, USM	Tamat
Awatif Ahmad	Sarjana Penerbitan , UK	Dalam Pengajian
Mohd Nasir Mohd Rashid	Sarjana	Akan memulakan pengajian
Omar Yusoff	Sarjana Sosiologi, USM	Dalam pengajian
Mohd Nasir Khan Habib Mohamed	Diploma IT, IPTAR	Semester 1

Bersara/Naik Pangkat/Berhenti

Nama	Status	Jawatan	Tempat Baru
Rashidah Begum	Bersara	Ketua Pustakawan	
Muniandy Ramayah	Naik Pangkat	Penolong Pegawai Tadbir	Bahagian Perhubungan Awam
Mohd Arop Haji Senawi	Naik Pangkat	Penolong Pegawai Tadbir	Biro Kualiti
Wong Peng Kit	Naik Pangkat	Pembantu Tadbir Perkeranian Kanan	RESD
Rohana Hussin	Berhenti	Pustakawan S3	Perpustakaan Negara Malaysia

Warga Baru / Tukar Bahagian

Nama	Dari/Asal	Tempat Baru	Jawatan
Ku Azam Ku Ibrahim	Pendaftar	Pejabat Am	Pembantu Tadbir Perkeranian Kanan
Hazaralie Ramlee	SISMAP	RESD	Pembantu Tadbir Perkeranian
Mohd Yusuff Ismail	Pusat Komputer	Automasi	Pembantu Tadbir Perkeranian
Norizan Mohammad Noor	Warga Baru	Penerbit USM	Pembantu Penerbitan
Hasril Fadzli Hasan	Pejabat Am	Perolehan	Pembantu Tadbir Perkeranian
Omar Yusof	Bahasa Malaysia	Malaysiana & Arkib	Pembantu Tadbir Perkeranian
Cheah Teng Boon	Automasi	Proses Teknik	Pembantu Tadbir Perkeranian

dari meja IFLA* (Berita ini dipetik dari **IFLA Journal** , vol.27 (2001), no. 5/6 , ms. 339)

Episod 11 September memang menggetarkan sebahagian besar umat manusia. Ia membuka implikasi politik dunia yang lebih mirip kepada penonjolan kuasa adikuasa Amerika Syarikat. IFLA sebuah badan yang menggabungkan banyak pustaka dunia turut prihatin dengan peristiwa itu dan telah mengambil satu sikap yang tidak berganjak dan selari dengan misinya. Dibawah disiarkan sepenuhnya kenyataan itu. - Editor

Terrorism, The Internet and Free Access to Information

The following statement was issued by IFLA on 4 October 2001

The recent terrorist attacks on New York and Washington shocked and appalled librarians and information professionals around the world. The loss of life and destruction of facilities, including eighty libraries, horrify us. IFLA joins with our library colleagues and the people of the world in mourning the innocent victims and extend our deepest sympathy and support to the families and friends of victims, the survivors and others who have suffered.

Calls to restrict the core human rights to freedom of expression and free access to information are reported in the wake of these tragic events. It has been suggested that some of the suspected hijackers may have communicated with each other by using Internet services at public libraries. Terrorists are alleged to have used the World Wide Web to help plan their outrages. Such implications are being used to justify restrictions on free speech and freedom of information and increased surveillance.

But we have not heard the other side of the story. Use of Internet news sites double during the week after the attacks. Families and friends used email to check on the safety of their loved ones – across city and across the world. Website operators responded to the thirst for news by bolstering their servers and increasing the frequency of updates. The result was that people throughout the world used websites and streaming audio and video feeds to get up to the minute information on the events and their aftermath.

This demonstrates the force of the ideal of free access to information and freedom of expression. It may be misused but it strengthens the peoples of the world.

The campaign against terrorism is to be won. A vital strategy is to safeguard the best access to information. Barriers to the free flow of information. Barriers to the free flow of information should be removed, especially those that promote in-equality, poverty and despair.

The Chair of the IFLA/FAIFE (Free Access to Information and Freedom of Expression) Committee, Mr. Alex Byrne, said:

"We should build respect and understanding between the diverse cultures of the world. We should help construct communities where people of different backgrounds can live together as neighbours. Freedom is something for which we must fight, not by limiting it but by strengthening it."

The commitment to intellectual freedom is a core responsibility for the library and information profession worldwide. Libraries have a responsibility to guarantee and facilitate access to expressions of knowledge and intellectual activity. To his end, libraries provide access without fear or favour. That openness is a safeguard of our freedoms. It cannot be limited without endangering those freedoms.

IFLA proclaims that the libraries and information profession of the world will respond to these tragic events by redoubling our efforts to see free access to information and freedom of expression worldwide.

- IFLA = International Federation of Library Associations and Institutions

(Bahan ditaip oleh Faridah Shahiran)

Berita Perpustakaan Cawangan Kesihatan

Kelab ASTAKA telah mengadakan mesyuarat agung sesi 2000/2001 pada 2 Januari 2002 jam 2.30 petang di Bilik Pelbagaiguna, Perpustakaan. Pada mesyuarat tersebut kepimpinan baru ASTAKA telah dilantik, seperti berikut :

Pengerusi : Rugayah Ali
 Setiausaha : Mohd. Suhaimi Shahidin
 Bendahari : Mohd. Zuhdi Mohd. Ali
 Setiausaha Sosial : Tg. Sharmiza Tg. Zahid

Setiausaha Sukan : Amran Mamat
 PRO : Khairul Nizam Talib
 Juru Audit : Nik Asmak Nik Idris

Sempena mesyuarat tersebut juga majlis jamuan hari raya telah diadakan. ASTAKA juga mengadakan jamuan perpisahan pada 15 Januari 2002 untuk Hashim Othman yang bertukar ke Pusat Pengajian Sains Kesihatan.

Perpustakaan Terima Anugerah Kualiti



KP menerima anugerah dari Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Ani Arope

PERPUSTAKAAN USM mendapat pengiktirafan tertinggi dari Universiti kerana terpilih sebagai penerima Hadiah Kualiti Sanggar Sanjung. Anugerah ini diterima selari dengan kejayaan kita mendapat ISO 9002 baru-baru ini.

Ketua Pustakawan, Puan Noor Ida Yang Rashdi yang mewakili

Perpustakaan USM menerima anugerah tersebut dari Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Ani Arope dalam Majlis Malam Sanggar Sanjung 2001 yang diadakan disebuah hotel terkemuka disini baru-baru ini.

Malam Sanggar Sanjung ini diadakan buat pertama kalinya sebagai sanjungan kepada Tuanku Canselor

yang dipilih sebagai Yang Dipertuan Agong Malaysia Ke-12. Disamping itu, USM turut memberikan pengiktirafan tinggi kepada penyelidik, jabatan dan individu yang telah memberi sumbangan dan berbudi kepada Universiti.

Lebih daripada 30 penerima yang terdiri daripada individu dan jabatan telah dikenalpasti sebelum ini yang menepati kriteria penerima Anugerah dan Hadiah Sanggar Sanjung. Mereka ini yang telah berjaya dalam bidang penyelidikan atau pencapaian kualiti.

Sebagai pengiktirafan Universiti, penerima anugerah pada malam tersebut diberi hadiah dalam bentuk sijil dan plak pewter. Selain daripada Perpustakaan USM, Pusat Kawalan Doping juga menerima anugerah yang sama.



KOPERASI KEDAI BUKU CO-OPERATIVE BOOKSHOP UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

11800 MINDEN, PULAU PINANG. TEL.: 04-6577888 X 3052, 3230, 3229. FAKS : 04-6575688. EMAIL : usmcoop.tm.net.my

**Pembekal Berdaftar untuk Buku
Terbitan Dalam dan Luar Negara**

[KONTRAK BEKALAN DAN PERKHIDMATAN No. PERB/K&B/136/1990]